

# SELAMATKAH WANG PENDEPPOSIT?

# 'InsyaALLAH TH pulih tahun ini'



TH menyasarkan langkah penstruktur semula yang mana untuk memiliki lembaran imbalan bersih dengan aset menyamai liabiliti bagi menjana keuntungan mampan dalam mengagihkan hibah (dividen) kepada para pendepositnya.

## KUALA LUMPUR

**P**engumuman Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Seri Zukri Samat ternyata melegakan kebimbangan 9.3 juta pendepositnya dengan menyatakan nilai deposit dan jumlah pendeposit masih tidak terjejas serta dipercaya mampu memberi hibah kepada pendeposit bagi tahun 2018.

Beliau berkata, penyata imbangan TH kini semakin pulih berikutan TH telah selesai memindahkan kesemua ekuiti yang tidak berprestasi baik kepada syarikat tujuan khas (SPV), Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. setakat 30 Disember 2018.

"Bagaimanapun, jumlah hibah itu akan bergantung kepada prestasi kewangan TH. Jangan letak harapan yang tinggi," katanya.

Pada 11 Disember lalu, beliau mengumumkan TH akan memindahkan aset yang tidak menguntungkan bernilai kira-kira RM19.9 bilion kepada SPV bagi memperbaiki kedudukan kewangannya.

Aset yang dipindahkan itu merangkumi harta tanah dan ekuiti, manakala SPV itu akan dimiliki oleh Kementerian Keuangan, yang kemudiannya akan menerbitkan RM10

Jumlah pendeposit:

9.3 juta orang

Jumlah deposit pada 2017:

RM73.56 bilion

Jumlah pendeposit pada 2018:

RM74.5 bilion  
(meningkat hampir RM1 bilion)

Pendaftaran baharu:

31,500 akaun baharu  
(Disember)

billion sukuk tujuh tahun dan Saham Islamik Boleh Ditebus Boleh Ditukar (RCPS-i) berjumlah RM9.90 bilion.

Isu berkaitan TH tercetus apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof, mendahului pemberian hibah kepada pendeposit TH sejak 2014 hingga 2017 beranggah dengan Akta Lembaga Tabung Haji 1995, menyebabkan agensi itu mengalami defisit RM4.1 bilion.

"TH juga memiliki sebuah syarikat perladangan terbengkalai dan tidak mendatangkan keuntungan manakala 29 harta tanah dan tanah milik TH pula, sejumlah 18 daripadanya adalah merugikan serta kebanyakannya tanah kosong.

"Semua aset ini tidak boleh dicairkan, selain tidak selaras dengan rangka kerja pencairan aset yang sedang dilakukan, maka semua aset itu dipindahkan kepada SPV untuk membantu memulihkan kunci kira-kira TH dan membolehkan SPV melakukan pemulihan ke atas semua aset TH," jelasnya supaya

umum tahu mengapa TH melakukan pemindahan aset kepada SPV.

Zukri yang berpengalaman memilihkan prestasi Bank Islam pada 2006 itu berkata, SPV tersebut kemudiannya akan menerbitkan RM10 bilion sukuk tujuh tahun dan Saham Islamik Boleh Ditebus Boleh Ditukar (RCPS-i) berjumlah RM9.90 bilion.

Dalam pada itu kata Zukri, kontroversi yang berlaku langsung tidak menjelaskan imej institusi kewangan Islam itu apabila nilai depositnya dilihat tidak terjejas selain jumlah pendeposit masih lagi meningkat.

Beliau menjelaskan, pada tahun 2017, jumlah deposit TH berjumlah RM73.56 bilion didapati meningkat kepada RM74.5 billion pada 2018, peningkatan hampir RM1 bilion.

"Aktiviti pengeluaran dan penyimpanan deposit oleh ahli adalah perkara biasa berlaku setiap hari. Tapi Disember lalu saja TH menerima pendaftaran kira-kira 31,500 akaun baharu biarpun dilanda kontro-

versi ini," katanya.

Rakyat di negara ini khususnya orang Islam bimbang apabila Mujahid mendahului pemberian hibah kepada pendeposit TH sejak 2014 hingga 2017 beranggah dengan Akta Lembaga Tabung Haji 1995 menyebabkan mengalami defisit RM4.1 bilion.

Tegas Zukri, untuk membuktikan ketulusan, TH akan mengemaskini prestasi kewangannya mengikut suku tahunan, supaya pendeposit sentiasa menyaksikan maklumat mengenai pelan pemulihran sedang dilakukan oleh pentadbiran TH ketika ini.

"Pada tahun ini insyaALLAH, TH akan mencatat prestasi kewangan lebih baik," katanya.

Jelas beliau, TH menyasarkan langkah penstruktur semula yang mana untuk memiliki lembaran imbalan bersih dengan aset menyamai liabiliti bagi menjana keuntungan mampan dalam mengagihkan hibah kepada pendepositnya.

Kata Zukri, melihat kepada keadaan TH dan pelan pemulihran pada masa ini, beliau berharap pendeposit terus meyakini TH sebagai badan mengurusan jemaah haji unggul di negara ini.



Zukri ketika sidang media mengenai isu Lembaga Tabung Haji di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

SIRI KEDUA ESOK

Jangan salahkan BN dalam isu Tabung Haji: Najib